

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Sejak dari mula penurunan al - Quran al - Karim pada kurun ke-7 masihi, timbul berbagai –bagai reaksi dan persepsi masyarakat terhadap wahyu Allah s.w.t. itu. Hingga sekarang ini manusia tidak habis-habis mengkaji, meneliti dan menerokai ilmu yang tersurat dan tersirat di dalam mukjizat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. itu. Al-Sya'rawi (1985:10) menyatakan bahawa sesungguhnya mukjizat-mukjizat rasul sebelum nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan perbuatan Allah yang akan terhenti dengan terhentinya perbuatannya, tetapi mukjizat nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan salah satu dari sifat-sifat Allah, iaitu sifat Kalam (berkata-kata). Mukjizat yang berbentuk maknawi (abstrak) itu berkekalan sampai ke hari kiamat kelak.

Minat para pembaca dan pengkaji tidak luntur kerana al- Quran al - Karim itu tidak mengkhususkan pembicaraannya kepada bangsa tertentu , seperti bangsa Arab atau kelompok tertentu seperti kaum muslimin. Walau bagaimanapun pembicaraannya ditujukan baik kepada muslim mahupun bukan muslim, termasuk orang kafir, musyrik, ahli kitab Yahudi dan Nasrani. Berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk menyingkap keajaiban dan keindahan kitab suci itu. Hasilnya lahirlah ahli-ahli tafsir dan usaha-usaha menterjemahkannya ke dalam bahasa lain.

Keinginan untuk membaca dan memahami al-Quran al-Karim dalam bahasanya yang asli, iaitu bahasa Arab tidak kesampaian kerana mereka (umat Islam) tidak mempunyai kemampuan dan kesempatan yang sama, maka tidaklah keinginan tersebut dapat dicapai (R.H.A Soenarjo S.H. 1971:35). Al-Tabariy (1993 :221) menyatakan bahawa apabila seseorang itu mempelajari sepuluh ayat daripada al-Quran al-Karim, maka tidak dibenarkannya meneruskan pengajian ayat-ayat yang seterusnya, melainkan ia mengetahui maksud dan beramal dengan sepuluh ayat tersebut. Demi penyebaran dan perkembangan ilmu al-Quran al-Karim maka para ilmuan membuat terjemahan dan tafsiran di dalam bahasa ibunda mereka. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1966:23), menyatakan bahawa terdapat lebih daripada sepuluh macam terjemahan al-Quran al-Karim ke dalam bahasa Indonesia, namun bahasa dan gaya bahasa terjemahan yang lebih sepuluh itu tidaklah sama, sebab semua itu adalah pendapat manusia. Tafsir itu membawa corak pandangan hidup pentafsir dan haluan mazhabnya. Sehingga kadang-kadang, al-Quran al-Karim yang begitu terang sebagai sumber dari segala kegiatan hidup Islam, telah dipersempit oleh pentafsir itu sendiri .

Para sarjana al-Quran al-Karim mengadakan kitab-kitab tafsir dan terjemahan al-Quran al-Karim dengan huraian yang berabagai-bagai cara dalam bahasa mereka masing-masing, supaya isi kandungan al-Quran al-Karim itu dapat dikunyah , dimamah dan dihadamkan oleh anak-anak bangsa mereka yang tiada mengerti akan bahasa asalnya. Walaupun bahasanya kurang memuaskan pada pemakaian perkataannya dan pada cara memperkatakan maksudnya, tetapi pada umumnya ia menurut jalan pembahasaan Melayu yang betul, dan dengan sebab itu mudah difaham oleh pembaca Melayu yang tiada tahu bahasa Arab". HAMKA (1966:5), menyatakan bahawa " Jika ada orang yang mengatakan bahawa segala ilmu sudah

cukup dalam al-Quran al-Karim, tidaklah perkataan orang itu benar, yang benar adalah anjuran al-Quran al-Karim buat menyelidiki segala cabang ilmu”. Dengan bertitik tolak daripada hidayah dari Allah s.w.t dan pernyataan di atas, timbul keinginan pada diri penulis untuk mengkaji hasil terjemahan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Allah tidak pernah menghalang hamba-Nya mengkaji dan mendalami segala ciptaan-Nya asalkan ilmu itu tidak berlawanan dengan syariat Islam. Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud “ Sebaik-baik kamu ialah yang mempelajari Quran al-Karim dan mengajarkannya”. Diriwayatkan oleh al-Imam al-Tarmizi dari Ibn Mas’ud bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud “ Barang siapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah , maka ia dapati satu kebajikan , dan tiap-tiap satu kebajikan, sama dengan sepuluh yang umpamanya. Tidaklah kukatakan “ Alif Lam Mim” itu satu huruf, bahkan Alifnya satu huruf, Lamnya satu huruf dan Mimnya satu huruf”.

1.2 Pernyataan Masalah

Struktur bahasa Melayu (BM) telah mendapat perhatian ahli-ahli bahasa. Mereka menggunakan berbagai-bagai kaedah dan pendekatan untuk menganalisis ayat-ayat di dalam bahasa tersebut. Walaupun agak banyak kajian dan penulisan yang dilakukan terhadap struktur pasif BM, tetapi didapati jumlah struktur pasif yang dibicarakan oleh mereka tidak sama. Permasalahan tentang konsep pasif (BM) ialah tentang terdapatnya rumus-rumus yang tidak seragam bentuknya dan sering diperdebatkan (James T.Collin 1973 : 58) Perbezaan yang nyata di kalangan pengkaji bahasa ialah penggunaan istilah dan bilangan jenis ayat pasif. Antara mereka yang telah menulis dalam buku-buku tentang struktur pasif BM ialah Zainal

Abidin bin Ahmad (1947), Alisjahbana (1963), Slametmuljana (1969), M.B. Lewis (1969), C. A Mees (1969), Asmah Hj. Omar (1970), Nik Safiah Karim (1975), Lutfi Abas (1977) dan Abdul Hamid Mahmood (1992). Ahli-ahli bahasa lain seperti Asraf (1974), Hashim Musa (1973), Sanat Md. Nasir (1976), Farid M. Onn (1983) dan lain-lain lagi menulis melalui makalah, rencana atau tesis.

Abdul Hamid Mahmood (1992: 55 - 57) telah membuat rumusan hasil penelitian beliau terhadap analisis ayat pasif BM yang telah dibuat oleh Lutfi Abas, Nik Safiah Karim, Sanat Md Nasir, Farid M. Onn dan Awang Sariyan adalah seperti berikut:

- (i) Dari segi analisis Transformasi Generatif, kelihatan bahawa tidak banyak kemajuan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut dari segi penggunaan model itu bagi menghuraikan struktur pasif.
- (ii) Dari segi bentuk struktur pasif, terdapat perbezaan jumlah dan istilah antara pengkaji-pengkaji. Contohnya Lutfi Abas (1971:232-234). menghuraikan lima bentuk struktur pasif BM. Beliau menggunakan istilah “Ragam Pasif” dan “Penanda Pasif” untuk maksud jenis ayat pasif dan imbuhan pasif. Farid M. Onn pula membahagikan ayat pasif BM kepada dua bentuk utama dengan menggunakan istilah “Pasif Jati” dan “Pasif Semu”. Sedangkan Nik Safiah Karim (1978:104) memberikan sebanyak empat bentuk ayat pasif yang menggunakan istilah “Pasif di-“ dan “ Pasif Ganti Nama Diri” Awang Sariyan (1984:184) membahagikan ayat pasif BM kepada enam bentuk dan menggunakan istilah “Ayat Pasif Diri Pertama”, “ Ayat Pasif Diri Kedua”, “ Ayat Berita Pasif Biasa Diri Ketiga” dan “ Ayat Berita Pasif Songsang Diri Ketiga” .

- (iii) Dari segi perbincangan ayat pasif dengan dua objek, didapati hanya Nik Safiah Karim dan Farid M.Onn membincangkan ayat-ayat tersebut dengan agak mendalam .
- (iv) Dari segi perbincangan bentuk-bentuk pasif lain, didapati bahawa selain daripada pasif KGD1, KGD2 dan KGD3 , aspek ini dibincangkan oleh para pengkaji kecuali Sanat Md.Nasir dan Farid M.Onn.

Berdasarkan rumusan di atas boleh dikatakan bahawa perbincangan struktur pasif BM boleh dilihat dari lima permasalahan, iaitu jumlah , bentuk , bentuk rumus, bentuk yang standard / baku dan kewujudannya. Tidak keterlaluan kalau dikatakan perbincangan ayat pasif dalam Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1995) terlalu ringkas dan tidak menyeluruh, iaitu 4 muka surat daripada 582 muka surat. Abdul Hamid Mahmood (1992:58) menyatakan bahawa setakat ini belum wujud satu analisis yang meninjau dengan khusus struktur-struktur pasif dalam BM, yang membincangkan dengan agak mendalam segala bentuk permukaan struktur itu dan proses-proses yang terlibat dalam penerbitannya. Teks yang dikaji kebanyakannya teks lama dan teks moden yang melibatkan bahan kesusasteraan Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Didapati bahawa hasil penulisan ahli-ahli bahasa Melayu tentang aspek bahasa dalam karya keagamaan (al-Quran al-Karim , tafsir dan terjemahan al-Quran al-Karim) berdasarkan kaedah linguistik masih berada pada peringkat permulaan. Dengan bertitik tolak daripada pernyataan masalah di atas, analisis sintaksis (ayat pasif) akan dibuat terhadap teks bahasa Melayu, iaitu Tafsir Al-Azhar karya Prof. Dr. HAMKA berdasarkan analisis linguistik. Secara amnya kajian ini bertujuan untuk

meneliti penggunaan ayat-ayat pasif bahasa Melayu dalam teks terjemahan al-Quran al-Karim sebagai langkah permulaan menghasilkan dapatan kajian yang dapat memberi kemudahan kepada manusia dan umat Islam Nusantara khususnya untuk membaca, memahami, menghayati dan mengaplikasi tuntutan al-Quran al-Karim. Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti yang berikut:

- (i) Untuk mengenal pasti penggunaan bentuk-bentuk ayat pasif BM dalam terjemahan surah al-Baqarah melalui Tafsir Al-Azhar. Penelitian dibuat untuk mengenal pasti sebanyak mungkin variasi dalam penggunaan bentuk ayat pasif.
- (ii) Untuk mengemukakan satu analisis struktur ayat pasif dengan menggunakan model transformasi-generatif (TG).
- (iii) Untuk menambah dan meluaskan data tentang penggunaan ayat pasif BM dengan meliputi terjemahan al-Quran al-Karim.

1.4 Bidang Kajian

Aspek bahasa yang akan dikaji ialah ayat, iaitu unit yang terbesar dalam bidang sintaksis. Perhatian khusus kajian ini meliputi semua bentuk ayat pasif yang terdapat dalam sampel kajian. Dalam kajian ini, penulis akan cuba mengemukakan satu analisis struktur pasif dengan menggunakan model transformasi-generatif.

1.5 Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan data terjemahan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim dalam bahasa Melayu, iaitu surah al-Baqarah juz 1, 2 dan 3. Teks yang dikaji ialah Tafsir

Al-Azhar hasil karya Prof. Dr. Sheikh Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (HAMKA). Terbitan Pustaka Panjimas, Jakarta 1982.

Surah al-Baqarah dipilih kerana surah ini termasuk dalam *Assab'uttiwaal*, iaitu antara 7 surah terpanjang yang mengandungi 286 ayat dan diturunkan di Madinah kecuali satu ayat sahaja, iaitu ayat ke-281, diturunkan di Mina (Ahmad Sonhadji Mohamad 1997:53). Dalam surah al-Baqarah sudah terdapat perintah berjihad yang membolehkan umat Islam berperang dalam mempertahankan akidah.

Pengkaji memilih Tafsir Al-Azhar kerana ketokohan pengarangnya. Tafsir Al-Azhar ditulis dalam suasana baru, di negara yang penduduk muslimnya lebih besar jumlahnya daripada penduduk lain, sedangkan mereka dahagakan bimbingan agama, haus untuk mengetahui rahsia al-Quran al-Karim, maka pertikaian-pertikaian mazhab tidaklah dibawakan dalam tafsir ini dan tidaklah penulisnya taasub kepada suatu fahaman, melainkan mencuba sedaya upaya untuk mendekati maksud ayat, menghuraikan makna dari lafaz bahasa Arab ke dalam bahasa Indonesia (Melayu) dan memberi kesempatan orang berfikir (HAMKA 1966: 40).

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada 128 ayat pasif yang terdapat dalam terjemahan surah al-Baqarah dalam bahasa Melayu yang termuat dalam Tafsir Al-Azhar karya HAMKA. Ayat pasif yang akan dikaji ialah ayat pasif dengan menggunakan kata ganti nama diri dan ayat pasif bukan dengan kata ganti nama diri. Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1995) akan dijadikan teks pegangan .

1.7 Definisi Operasional

Bagi memahami kajian ini, beberapa perkataan dan frasa penting diberi pengertian.

Perkataan dan frasa tersebut ialah:

- (i) sintaksis
- (ii) struktur pasif
- (iii) transformasi- generatif

1.7.1 Sintaksis

Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Bidang sintaksis dapat difahami sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah Karim et.al, 1995:317). Abdullah Hassan (1983:164), menyatakan istilah sintaksis berasal daripada perkataan Yunani, iaitu "*suntutein*" yang bermakna menyusun. Bidang ini pada hakikatnya mengkaji cara-cara bagaimana perkataan-perkataan disusun supaya menghasilkan unit yang lebih besar (Arbak,1983:112). Penelitian sintaksis amat penting dalam usaha pemodenan bahasa Melayu kerana sintaksis ialah bahagian yang terpenting dalam struktur bahasa. Menurut ahli-ahli bahasa yang menganut aliran transformasi, penelitian tatabahasa bererti penelitian sintaksis (LimY.F.1969:99). C.F.Hockett (1969:177), menyatakan bahawa: "*Syntax includes the ways in which words and suprasegmental morphemes are arranged relative to each other in utterances.*" Kesimpulannya, sintaksis ialah bahagian yang mengkaji pembentukan ayat, iaitu

bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang terkecil, yaitu frasa. Frasa disusun menjadi klausa dan ayat.

1.7.2 Struktur Pasif

Struktur ialah kaedah bagaimana sesuatu disusun , cara penyusunan atau susunan (sesuatu) (Kamus Dewan 1989:1227) R.H.Robbins (1967:49) mendefinisikan struktur sebagai, "... specifically with reference to groupings of syntagmatically related elements,..." Tegasnya , struktur ialah hasil hubungan mendatar unsur-unsur. Bloomfield (1964:173) mendefinisikan **pasif** sebagai, "... goal-action construction..." H.A.Gleason (1973:234) mentakrifkan pasif sebagai, "... that the grammatical subject is not the doer of the action but the undergoer ". Za'ba (1964:133-136) mengkonsepsikan **struktur pasif** bahasa Melayu sebagai ' bangun kena buat', iaitu objek di dalam ayat aktif dikatakannya bertukar menjadi subjek dalam ' bangun kena buat' dan hanya pelaku orang ketiga yang menerima awalan *di*.

1.7.3 Transformasi-Generatif

Dalam sejarah perkembangan linguistik di Barat terdapat berbagai-bagai bentuk pendekatan digabungkan oleh ahli-ahli bahasa. Asraf (1988:40) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis tatabahasa yang sering dibincangkan, iaitu :

- a. tatabahasa tradisional
- b. tatabahasa struktural
- c. tatabahasa transformasi- generatif (TG)

Teori tatabahasa transformasi-generatif diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 dengan terbitnya buku *Syntactic Structures*. Pada tahun 1965 terbit pula *Aspects of the theory of Syntax*, buku yang menghuraikan dengan jelas tentang nahu transformasi-generatif (Halimah 1988:26). Nik Safiah Karim (1988:2) mengatakan aliran TG muncul hasil daripada usaha untuk mencari satu analisis bahasa yang dapat mengatasi masalah yang tidak diselesaikan oleh analisis struktural. Menurut teori ini pemusatan terhadap kajian bahasa terletak pada pengetahuan penutur asli yang memungkinkannya membentuk serta memahami ayat-ayat. Pengetahuan ini dikenali sebagai kecekapan berbahasa yang ada pada setiap penutur asli sesuatu bahasa. Kecekapan ini pula ditafsirkan sebagai mengandungi satu set rumus yang sifatnya eksplisit yang dengannya penutur asli berkemampuan membentuk serta memahami berbagai-bagai ayat dalam bahasanya. Teori TG merupakan satu teori yang lengkap dan menyeluruh dan merangkumi semua komponen bahasa termasuk sintaksis , semantik dan fonologi (Raja Masittah Raja Ariffin ,1988:109). Teori tatabahasa transformasi- generatif mengandaikan adanya dua peringkat struktur ayat, iaitu peringkat struktur dalaman dan peringkat struktur permukaan. Kedua-dua peringkat struktur ini diterbitkan oleh dua jenis hukum atau rumus tatabahasa, iaitu:

- i. *rumus struktur frasa* ,yang menerbitkan ayat-ayat pada peringkat struktur dalaman
- ii. *rumus transformasi*, yang berfungsi menukarkan pola atau struktur ayat-ayat hingga membawa kepada peringkat struktur permukaan

Jika ditinjau pendapat yang dikemukakan oleh Postal (1962:48), beliau mengatakan bahawa tatabahasa TG menggemblengkan sifat-sifat ekspisit tatabahasa bagi menghasilkan satu huraian bahasa yang dapat memberi keterangan mengenai penghasilan dan pemahaman ayat. Arbak Othman (1980:76-77) menjelaskan bahawa proses transformasi-generatif (TG) menerbitkan struktur lahir daripada struktur batin dengan berbagai cara,iaitu :

- a. pergerakan (penyusunan semula)
- b. penambahan (insertion)
- c. pengguguran atau delesi (deletion)

Kebanyakan proses tranformasi yang dilaksanakan melibatkan **pergerakan** unsur-unsur daripada satu tempat dalam satu struktur kepada tempat lain dalam struktur yang lain, misalnya, transformasi pasif melibatkan pergerakan FN subjek dan objek daripada kedudukan yang asalnya kepada kedudukan yang baru dalam struktur dalam proses penukaran struktur ayat penyata aktif transitif kepada struktur ayat pasif.

Proses **penambahan** dalam transformasi pasif melibatkan beberapa perubahan, misalnya menambahkan unsur *be-en* dan *by* (Bahasa Inggeris – BI) atau *oleh* (BM). Tranformasi pasif BM melibatkan tiga pelaksanaan : pergerakan, penambahan dan penggantian awalan *me-* dengan *di-*. Ayat pasif mengalami transformasi **pengguguran (delesi agen)** Ayat pasif dikurangi jumlah unsur-unsur binaannya. Pengurangan ini berlaku atas pengguguran subjek yang berfungsi sebagai salah satu agen, contoh :

Seseorang telah me-tangkap Aidit



Trans. Pasif



Aidit telah ter-tangkap oleh seseorang




Trans. Delesi



Aidit telah tertangkap \emptyset

Transformasi-generatif mempunyai peranan yang penting, iaitu menghasilkan ayat-ayat dalam sesuatu bahasa dan menyediakan serta menganalisis ayat untuk mengasingkan ayat-ayat yang gramatis daripada yang tidak gramatis. Teori ini juga mengandaikan juga bahawa kedua-dua jenis rumus tatabahasa ini menjadi sebahagian daripada unsur kecekapan berbahasa seseorang individu. R.A.Jacobs dan P.S.Rosenbaun (1970: 82) mengatakan bahawa TG merupakan jambatan di antara struktur dalaman dan struktur permukaan. Peringkat-peringkat struktur ini dapat dilihat lebih jelas dalam rajah 1.0 di bawah.




Rajah 1: Tatabahasa Model Generatif

Daripada Rajah di atas, kita dapat melihat bahwa pelaksanaan rumus transformasi terhadap sesuatu struktur dalaman akan menghasilkan ayat-ayat yang berbentuk struktur permukaan. Setiap ayat ini terdiri daripada rentetan bunyi bahasa. Oleh

sebab itu, setiap bahasa memerlukan satu set rumus yang akan menentukan cara penyebutan sesuatu ayat, dan ini terjadi pada bahagian atau komponen fonologi yang melahirkan *representasi fonetik*. Dalam tatabahasa generatif, diandaikan juga bahawa kesemua bentuk kata, iaitu bentuk terkecil sintaksis yang disebut morfem ada tersimpan sebagai leksikon (data kamus) pada setiap penutur.

Walau bagaimanapun, dengan hanya mengetahui bentuk-bentuk kata sesuatu bahasa seseorang itu tidak mungkin dapat membentuk ayat-ayat bahasa tersebut. Yang diperlukan ialah satu set rumus tatabahasa tersebut, yang disebut *rumus sintaksis*, yang akan menentukan aturan penyusunan bentuk-bentuk perkataan hingga menjadi ayat. Rumus tatabahasa ini, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, terbahagi kepada dua jenis, iaitu *rumus struktur frasa* dan *rumus transformasi*. Rajah 1.0 di atas menunjukkan hubungan kedua-dua jenis rumus tersebut. Rumus struktur frasa terletak pada komponen dasar untuk menghasilkan *deskripsi struktur (DS)* yang seterusnya menghasilkan bentuk ayat dasar atau ayat inti. Dengan kata lain, rumus-rumus ini berfungsi untuk melahirkan rajah-rajah pohon yang menunjukkan hubungan gramatis (subjek, objek, predikat, dan sebagainya) antara berbagai-bagai bentuk kata yang terdapat pada sesuatu ayat dasar. Rumus struktur frasa dalam bahasa Melayu secara ringkas boleh mengandungi unsur-unsur berikut:



$$(iv) \quad FN \longrightarrow (BIL) + (Penj Bil) + (Gel) + KNInt + \langle Knint \rangle$$

$$(Pen) + (Pent)$$

$$(v) \quad FK \longrightarrow (KB) + \left\{ \begin{array}{l} KKtr + \left\{ \begin{array}{l} Obj \\ Akomp \end{array} \right\} \\ KKtr + \left\{ \begin{array}{l} Pel \\ AKomp \end{array} \right\} \end{array} \right\}$$

$$(iv) \quad FA \longrightarrow (KB) + (Kpeng) + Adj + (Ket) + (Akomp)$$

$$(iiv) \quad FS \longrightarrow SN + (KNarah) + FN + \left\{ \begin{array}{l} (Akomp) \\ (Ket) \end{array} \right\}$$

Rajah 2 : Rumus Struktur Frasa

1.8 Rangka Kajian

Kajian ini pada dasarnya akan dibahagikan kepada enam bab, iaitu bab 1 Latar Belakang Kajian, bab 2 Metodologi, bab 3 Latar Belakang Surah al-Baqarah dan Tafsir Al-Azhar, bab 4 Ayat Pasif, bab 5 Analisis Ayat pasif dalam surah al-Baqarah dan bab 6 Rumusan dan Saranan.

Bab 1 akan menerangkan latar belakang dan kepentingan kajian. Dalam bab ini juga akan dinyatakan pernyataan masalah, objektif kajian, bidang kajian, bahan kajian, batasan kajian, definisi operational dan rangka kajian yang menjadi dasar kajian ini.

Bab 2 akan menerangkan metodologi atau kaedah kajian yang memuatkan pemilihan sampel, reka bentuk kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian teks, kaedah pengumpulan dan penganalisan data dengan menggunakan teori transformasi-generatif.

Bab 3 akan memuatkan perincian tentang latar belakang surah al-Baqarah, iaitu intisari kandungan dan pengajarannya, latar belakang Tafsir Al-Azhar dan pengarangnya.

Bab 4 akan menerangkan secara terperinci ayat pasif Bahasa Melayu. Pembahagian ayat-ayat pasif akan dibuat dalam bab ini. Pandangan dan pendapat para ilmunan tentang pembahagian ayat pasif akan dibincangkan dalam bab ini.

Bab 5 memuatkan analisis ayat pasif Bahasa Melayu dalam Tafsir Al-Azhar, iaitu terjemahan surah al-Baqarah dalam bahasa Melayu yang mengandungi 128 ayat pasif daripada terjemahan surah tersebut. Bab terakhir akan memuatkan rumusan dan cadangan untuk manfaat bersama dalam usaha mendekati dan menghayati al-Quran al-Karim.